

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 JUN 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 26

'Wujudkan pekerjaan berkualiti tinggi'


'Wujudkan pekerjaan berkualiti tinggi'

Kuala Lumpur: "Malaysia perlu mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi bagi mewujudkan lebih banyak pekerjaan berkualiti tinggi untuk merapatkan jurang kemahiran antara tenaga kerja, yang merupakan cabaran paling penting dalam era kita," kata Menteri Ekonomi Rafizi Ramli.

Beliau berkata, kementeriannya tidak pernah mengalihkan perhatiannya daripada kepentingan permintaan agregat, penciptaan perniagaan, inovasi, dan memilih pertumbuhan tinggi, industri bernilai tinggi untuk melabur.

"Walau apa pun versi pekerjaan pada masa depan, ia hanya akan dilihat meyakinkan jika terdapat enjin pertumbuhan yang mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi.

"Justeru, pertumbuhan ekonomi merupakan faktor utama - yang menjadi keperluan asas - kepada kementerian ini," katanya ketika berucap pada perasmian Deloitte South East Asia



RAFIZI

(SEA) Regional Capability Centre, semalam.

Beliau berkata, latihan semula dan pembangunan tenaga kerja juga perlu ditingkatkan ke skala yang tidak pernah dilihat sebelum ini.

Memetik laporan terkini Bank Dunia mengenai jurang kemahiran antara tenaga kerja yang besar, Rafizi menyatakan bahawa "untuk kita menjadi setara dengan negara-negara OECD (Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi) maju dari segi kemahiran, kita perlu mewujudkan dua juta lagi pekerjaan berkemahiran tinggi."